



**Majlis Ugama Islam Singapura**

**Khutbah Jumaat**

**13 Mei 2016 / 6 Syaaban 1437H**

**Adab Ketika Berinteraksi Bersama Bukan Islam**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَلِيِّ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kita kepada Allah dengan sebenar-benar erti takwa dengan melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Di antara maksud takwa adalah untuk merasakan kehadiran Allah. Kehadiran Allah bukan setakat dirasakan olehnya di saat dia berada di dalam masjid atau di atas tikar sembahyang. Bahkan lebih dari itu, kehadiran Allah dirasakan di dalam lubuk hatinya di mana jua dia berada.

Saudaraku,

Khutbah minggu lepas telah membicarakan tentang kepelbagaian manusia serta beberapa pesanan ilahi yang perlu diambil iktibar di saat seorang kita berinteraksi sesama manusia. Hari ini pula, saya ingin membicarakan tentang beberapa pesan Ilahi kepada umat Islam, secara khusus ketika mereka berinteraksi dan berkomunikasi bersama saudara mereka yang bukan Islam.

Saudaraku, Al-Quran sering mengingatkan umat Islam agar merenung kembali akan asal ciptaan mereka, dan Al-Quran acap kali mengajak umat Islam agar kembali kepada pentunjukNya. Ini adalah supaya dengan petunjuk tersebut mereka sedar, insaf dan menghayati sebenar-benarnya tanda kebesaran Tuhan.

Di saat seseorang Muslim berinteraksi dengan saudara seinsannya yang bukan Islam, sama ada di sekolah, di kawasan kejirannya, di tempat kerja, mahupun di tempat-tempat awam, perlu beliau amati dan hayati pesanan Tuhan di antaranya: **Untuk menghargai dan mengiktiraf kebebasan beragama seseorang.** Dalam hal ini Allah berfirman:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ

Maksudnya: *“Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam)”*. [Surah Al-Baqarah 2:256]

Syeikh Muhammad Rasyīd Redhā di dalam kitab tafsirnya al-Manār telah membuat kesimpulan tentang ayat ini. Beliau menegaskan bahawa ayat “*Tiada paksaan dalam agama*” merupakan salah satu prinsip utama agama Islam dan salah satu rukun yang terpenting. Maka (Islam) tidak membolehkan paksaan ke atas seseorang untuk masuk ke dalam agamanya dan tidak pula mengizinkan seseorang untuk memaksa salah satu daripada ahli keluarganya untuk keluar dari agamanya.

Pokok ajaran Islam dalam berdakwah adalah dengan cara penjelasan dan penerangan sehingga jelas kepada manusia yang belum beriman jalan yang benar dari jalan yang sesat. Setelah itu mereka bebas membuat pilihan untuk menerima Islam atau sebaliknya.

Ayat tersebut juga memberi garis panduan bahawa sekiranya Islam tidak membenarkan paksaan dalam beragama, maka tentunya Islam menitikberatkan budaya saling hormat antara satu dengan yang lain. Atas dasar itu kita dilarang oleh Allah s.w.t. untuk menghina sembahsan yang disembah oleh orang-orang bukan Islam. Allah berfirman:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ  
عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيْنًا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَلَيْهِمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ  
بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٠٨﴾

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, kerana mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. Kemudian kepada Tuhan merekalah kembali mereka, lalu Dia memberitakan kepada mereka apa yang dahulu mereka kerjakan”*. [Surah Al-An’ām 6:108]

Terdapat beberapa pelajaran utama yang boleh diraih daripada ayat ini, antaranya: Bukanlah adab seseorang yang beragama untuk menghina mahupun mempersenda kepercayaan penganut lain kerana ia tidak menghasilkan sesuatu kebaikan dalam agama Islam. Islam datang untuk memandu manusia kepada kebenaran, sedangkan makian dan kata-kata kesat biasanya ditempuh oleh orang yang lemah jiwanya. Oleh itu suara lantang si pemaki dan kotoran lidahnya tidak harus dicontohi oleh seorang muslim yang cintakan kebaikan dan kesejahteraan. Bukan sahaja ia menjauhkan tali hubungan antara umat manusia serta merosakkan hubungan yang terbina bahkan boleh sahaja ia menjauhkan seseorang daripada merasakan kemanisan rahmah Allah s.w.t.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,  
Pergolakan dunia yang berlaku hari ini atas nama agama mahupun keganasan oleh mana-mana pihak hingga terjadi

perpecahan, permusuhan dan pembunuhan antara umat manusia amat dikesali. Tiada yang menguntungkan, malahan merugikan.

Tiada seorang insan sekalipun (sama ada muslim atau bukan muslim), yang mempunyai nilai-nilai murni di dalam dirinya akan merasa gembira melihat perpecahan yang berlaku, ataupun merasa senang melihat satu jiwa manusia terkorban kerana penganiayaan dan kezaliman. Apatah lagi jika berlaku ke atas ribuan dan jutaan manusia, anak-anak kecil, orang-orang tua, dan yang tidak berdosa.

Meskipun di sana terdapat tangan-tangan liar yang ingin merosakkan umat manusia, namun biarlah kita menjadi golongan yang mengusahakan kebaikan bagi umat manusia.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sebagai masyarakat Islam yang hidup di Singapura, tidak seharusnya kita menjadikan perbezaan agama dan kepercayaan sebagai penghambat atau penghalang keharmonian hidup bersama. Kita tidak boleh membiarkan peperangan, permusuhan dan konflik mewarnai pemikiran mahupun lensa kita melihat orang yang berlainan pegangan agama mahupun pandangan daripada kita. Kita tidak boleh membiarkan orang-orang yang suka meniupkan api kebencian, menyemarakkan perasaan kemarahan untuk merosakkan

kedamaian hati dan hubungan baik yang telah kita semai di negara kita antara masyarakat berbilang kaum dan agama.

Kita hendaklah berpegang kepada prinsip agama iaitu menyebarkan keamanan dan kesejahteraan. Prinsip ini harus jelas terlihat di setiap tutur bicara kita, dan di setiap tingkah laku kita. Dengan prinsip ini, kita sentiasa cinta kepada kedamaian, kita selalu cinta kepada kemakmuran dan kita bersedia untuk menghulur dan berjabat tangan kepada sesiapa sahaja yang cintakan kesejahteraan bagi umat sejagat.

Di antara perkara yang pertama yang disabdakan Nabi Muhammad s.a.w. awal Baginda tiba ke kota Madinah, adalah hadith berikut:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ ، أَفْشُوا السَّلَامَ ، وَأَطْعِمُوا الطَّعَامَ ، وَصَلُّوا الْأَرْحَامَ ،  
وَصَلُّوا وَالنَّاسُ نِيَامٌ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ .

Yang bermaksud: *“Wahai manusia sebarkanlah salam, dan berikanlah makanan, hubungilah rahim kamu dan laksanakan solat sedangkan manusia lagi lena tidur, ternyata kamu akan memasuki syurga dengan selamat”*. [Hadith riwayat Imam At-Tirmizi dan Ibn Abi Syaibah]

Saudaraku,

Sebagaimana kita mengharapkan rahmah dan pengampunan tuhan pada bulan Syaaban yang mulia ini, maka begitu juga

kita seharusnya menzahirkan nilai-nilai rahmah dalam kehidupan kita seharian. Marilah kita sama-sama muhasabah diri dan mengukuhkan amalan keagamaan kita agar kita menjadi umat yang berada di barisan hadapan di dalam menyebarkan prinsip kesejahteraan dan rahmah kepada dunia yang masih mendahagakannya. Semoga Allah mengurniakan kita kebahagiaan di dunia dan kejayaan yang abadi di akhirat kelak. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.